

Berita Harian Julai 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Selasa 3 Julai 2018	Kos ECRL perlu dikurang secara signifikan supaya berdaya maju	Menteri Kewangan, Lim Guan Eng	2
2.	Selasa 3 Julai 2018	'Ada laporan salah laku Taib Mahmud'	Pengerusi PKR Sarawak, Baru Bian	4
3.	Jumaat 6 Julai 2018	SPRM rampas baja	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	Isnin 9 Julai 2018	KPDNHEP kaji henti amalan monopoli	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)	7
5.	Isnin 9 Julai 2018	DBKL bebas buat keputusan tanpa 'gangguan' - Khalid	Kementerian Wilayah	9
6.	Selasa 10 Julai 2018	Kerajaan tekad perangi rasuah - PM	PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	11
7.	Rabu 11 Julai 2018	Prasarana komited semak semula kos projek LRT3	Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Masnizam Hisham	13
8.	Rabu, 18 Julai 2018	RM110 bilion bukan harga tender projek HSR	DATUK Seri Mohamed Azmin Ali	15
9.	Jumaat, 20 Julai 2018	Najib tahu kos LRT3 meningkat RM32 bilion - Guan Eng	LIM Guan Eng	17
10.	Isnin, 23 Julai 2018	Zahid nafi terbabit skim penipuan pekerja Nepal	Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid	19
11.	Isnin, 23 Julai 2018	Bestinet nafi laporan Nepali Times	Bestinet Sdn Bhd (Bestinet)	20
12.	Selasa, 24 Julai 2018	Penolong pengarah BTN Sarawak dicekup SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
13.	Rabu, 25 Julai 2018	SPRM dakwa Ketua Balai Bomba salah guna kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
14.	Khamis, 26 Julai 2018	RM998 juta projek bekalan air luar bandar	Menteri Pembangunan Luar Bandar Rina Mohd Harun	25
15.	Selasa, 31 Julai 2018	PETRONAS perkukuh program pembangunan vendor	Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin	26

**MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng****1. Kos ECRL perlu dikurang secara signifikan supaya berdaya maju**

PUTRAJAYA: Kos sebenar projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 688.3 kilometer (km) membabitkan perbelanjaan RM81 bilion dan ia perlu dikurangkan secara signifikan supaya berdaya maju dari segi kewangan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata, kos projek berjumlah RM81 bilion itu bagaimanapun tidak termasuk defisit kos operasi, yang tidak dapat ditentukan buat masa kini, selain berhadapan tentangan kerajaan Selangor yang membantah penyiapan landasan rel dari Gombak ke Pelabuhan Klang.

Beliau berkata, projek ECRL diluluskan Kabinet pada 21 Oktober 2016 dengan perjanjian kejuruteraan, perolehan, pembinaan dan pentauliahan ditandatangani dengan China Communication Construction Company (CCCC) pada 1 November 2016.

Katanya, pada asalnya, projek ini bertujuan untuk membina satu laluan rel dari Terminal Bersepadu Gombak (ITT) di Selangor ke Wakaf Bharu di Kelantan pada harga RM46 bilion.

"Pada 13 Mei 2017, pentadbiran terdahulu menandatangani perjanjian tambahan dengan CCCC untuk melaksanakan Fasa ke-2 projek itu yang akan memperluaskan landasan dari ITT Gombak ke Pelabuhan Klang dengan nilai projek RM9 bilion.

"Sebelum itu pada 3 Mei 2017, Kabinet meluluskan projek untuk menyambung landasan rel utara dari Wakaf Bharu ke Pengkalan Kubor bernilai RM1.28 bilion. Pada 23 Ogos 2017, Kabinet meluluskan projek menaik taraf ECRL kepada projek landasan berkembar yang akan menelan perbelanjaan tambahan RM10.5 bilion.

"Oleh itu, berdasarkan nilai-nilai harga projek di atas, kos asas pembinaan landasan kereta api ini adalah berjumlah RM66.78 bilion," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.



BARU Bian.

2. 'Ada laporan salah laku Taib Mahmud'

KUALA LUMPUR: Pengerusi PKR Sarawak, Baru Bian mendakwa beberapa laporan dibuat di Sarawak yang mengaitkan Yang Dipertua Negeri itu, Tun Abdul Taib Mahmud dengan salah laku.

Bagaimanapun Baru yang juga Menteri Kerja Raya menegaskan aduan itu perlu disiasat untuk membuktikan Abdul Taib terbabit dengan salah laku berkenaan.

"Kalau ada dakwaan, yang baiknya harus dibuat siasatan... saya tahu ada yang kata laporan perlu dibuat (untuk membolehkan siasatan dan tindakan diambil), tetapi apa yang saya tahu, sebelum ini ada 18 hingga 20 fail siasatan dibuka di Sarawak dan saya diberitahu ada antaranya dikaitkan dengan TYT (Tuan Yang Dipertua).

"Saya sudah bangkitkan isu ini beberapa kali dan bertanyakan apakah kesimpulannya fail berkenaan... sehingga sekarang kita masih belum tahu, namun pendiriannya saya dalam isu ini ialah perlunya siasatan jika ada aduan diterima," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pertamanya sebagai Menteri Kerja Raya di Kompleks Kerja Raya, di sini, hari ini.

Baru yang juga Ahli Parlimen Selangau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa tindakan terhadap Abdul Taib mengenai salah laku hanya akan diambil jika terdapat laporan ke atasnya.

Dr Mahathir dilaporkan berkata, sehingga kini belum ada sebarang laporan dibuat oleh rakyat Sarawak ke atas Abdul Taib yang dikatakan membabitkan agensi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Abdul Taib yang juga bekas Ketua Menteri Sarawak dikaitkan dengan pelbagai dakwaan rasuah ketika beliau menjawat jawatan berkenaan dari 1981 hingga 2014.

Sementara itu dalam isu projek Lebuhraya Pan Borneo, Baru berkata, kerajaan belum membuat keputusan untuk mengkaji semula projek berkenaan.

Beliau berkata, jika ada keperluan untuk kajian semula, kerajaan akan meneliti dari aspek kos dan pelaksanaan.

"Kita berbesar hati dan gembira memiliki lebuhraya di Sabah dan Sarawak... namun kita perlu seimbangkan antara keperluan Pan Borneo dan pada masa sama kena lihat dari aspek pelaksanaan dan kos," katanya.

Sehingga kini projek fasa pertama Pan Borneo kini mencapai kemajuan 36 peratus siap.

3. SPRM rampas baja

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas 3,390 beg baja padi bernilai RM180,534 dalam serbuan di sebuah kilang beras di Kampung Sayur, Bakri, Muar, pagi tadi.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam satu kenyataan hari ini berkata, baja yang dirampas di gudang premis berkenaan dibekalkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menerusi kontrak kerajaan menerusi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).

"Dalam serbuan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada jam 9.15 pagi, kita dapati baja berkenaan disimpan tanpa lesen sah untuk menyimpan barang kawalan.

"NAFAS melakukan pengecaman dan mengesahkan baja sebatian terbabit adalah menerusi SBPKP berharga dalam lingkungan RM39.50 sehingga RM60 seguni.

"Anak pemilik kilang ditahan dan akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009 kerana cuba memberi rasuah sebanyak RM5,000 manakala keterangan empat pekerja turut diambil," katanya.

Kenyataan itu menyebut, operasi terbabit berjaya susulan intipan pihak penguat kuasa selama empat bulan.

"Baja terbabit dibiayai menerusi peruntukan Kerajaan Persekutuan dan dikhaskan untuk kegunaan pesawah di seluruh negara.

"Hasil rampasan akan dipindahkan ke lokasi simpanan yang dikawal pihak keselamatan dan kita akan terus bekerjasama dengan SPRM dan KPDNKK bagi memastikan ketirisan bantuan subsidi dapat dihapuskan.

"Kita akan siasat siapa yang terbabit dalam kegiatan penjualan baja di pasaran gelap dan memastikan hak baja ini dikembalikan kepada pesawah," katanya.

4. KPDNHEP kaji henti amalan monopoli

LABUAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang mempertimbangkan untuk menghentikan amalan monopoli dalam pembekalan barangan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

Menterinya, Datuk Saifuddin Nasution Ismail, berkata kementerian itu sedang mengumpul maklumat berkaitan daripada pelbagai aspek dalam setiap seksyen sektor perniagaan dan perkhidmatan yang bersifat monopoli.

"Kami sedang meneliti sama ada bekalan barangan dan perkhidmatan yang mempunyai unsur monopoli dan menentukan adakah patut dasar monopoli diteruskan atau sudah tiba masanya untuk dihentikan amalan ini dan membuka aktiviti perniagaan kepada mereka yang berkeupayaan serta mematuhi kriteria kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pejabat PKR Labuan dan menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri parti itu di sini malam tadi.

Saifuddin berkata, kementerian itu tidak menolak mengkaji semula dasar sedia ada yang menyebabkan kenaikan kos sara hidup yang membebankan pemegang kepentingan dan peniaga.

"Saya baru selesai seminggu mendengar taklimat daripada pelbagai seksyen dalam kementerian dan kami melihat kepada penambahbaikan untuk rakyat secara keseluruhan dalam jangka panjang," katanya.

Saifuddin berkata, beliau memerlukan sedikit masa untuk mengumumkan perubahan atau pelarasan dasar sedia ada.

Katanya, kerajaan juga akan terus memberikan subsidi membantu mereka yang kurang berkemampuan atau sekurang-kurangnya menstabilkan harga bahan api di pam minyak seluruh negara.

"Apabila kami merangka manifesto pilihan raya, harga minyak dunia adalah AS\$50 setong dan kami menang pilihan raya, harga melonjak hampir AS\$80 setong.

"Justeru, kami menggunakan margin keuntungan untuk membiayai subsidi dan kerana itu dari hari pilihan raya sehingga kini, harga minyak kekal," katanya.

Beliau berkata, keputusan kerajaan mengekalkan harga petrol RON95 dan diesel masing-masing pada RM2.20 seliter dan RM2.28 seliter sehingga ke akhir tahun ini adalah sebahagian janji pilihan raya kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan rakyat.

Katanya, kementerian juga bertekad membanteras rasuah dan unsur penyalahgunaan kuasa dalam kalangan kakitangannya tanpa mengira kedudukan.

5. DBKL bebas buat keputusan tanpa 'gangguan' - Khalid

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah memberi jaminan era pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerima arahan pihak atasan tertentu untuk membuat keputusan sudah berakhir.

Menterinya, Khalid Samad, berkata kini pegawai DBKL boleh melaksanakan tugas dengan profesional tanpa arahan pihak atasan.

Katanya, sebelum ini, ada arahan daripada pihak atasan yang memaksa DBKL menangani masalah tertentu dengan cara yang tidak sepatutnya hingga menyebabkan PBT itu terpalit dengan imej penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa.

Antara arahan itu, katanya, membabitkan kontroversi penjualan 64 lot tanah milik DBKL antara 2014 hingga 2018 dianggarkan bernilai RM4.28 bilion, yang kini disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Contohnya adalah penjualan tanah yang berlaku tanpa mengikut prosedur, serta projek yang asalnya tiada dalam bajet, tapi digunakan Bajet 2019 untuk 2018.

"DBKL selaku institusi profesional tidak mahu melakukannya, tetapi disebabkan keluar arahan, maka mereka terpaksa akur.

"Namun, ini era baharu bagi DBKL yang mana semua persoalan akan ditangani secara profesional, serta tiada toleransi terhadap apa jua salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah," katanya pada sidang media di Menara DBKL di sini, hari ini.

Khalid berkata beliau tidak mahu menyalahkan sesiapa dalam isu berkenaan dan menyerahkan kepada penilaian orang ramai.

Katanya, hasil perbincangan ramai pegawai DBKL yang lega kerana dapat melaksanakan tugas secara profesional tanpa campur tangan pihak tertentu yang bercanggah dengan pengurusan.

Mengenai isu penjualan 64 lot tanah DBKL, Khalid berkata semuanya membabitkan arahan daripada atas, namun menyerahkan kes kepada SPRM untuk menjalankan siasatan, selain meminta warga DBKL memberi kerjasama penuh serta berkongsi maklumat jika diminta berbuat demikian.

Terdahulu, beliau meluangkan masa kira-kira empat jam melawat DBKL dan menghadiri taklimat bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur serta pimpinan tertinggi PBT itu

Dalam perkembangan lain, Khalid juga berkata DBKL mungkin berdepan implikasi undang-undang jika Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 diwartakan segera.

Katanya, ia berikutan terdapat beberapa pembangunan yang sudah berjalan ketika ini, bertentangan dengan pelan terbabit, sekali gus bakal menimbulkan implikasi tertentu jika ia diwartakan.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak kemungkinan pelan struktur yang sudah mendapat kelulusan Menteri Wilayah Persekutuan sebelum ini sejak Ogos 2004, perlu dikaji semula atau diperbaharui bagi mengelakkan implikasi negatif pada DBKL.

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 dilancarkan pada Mei 2008 dan dijadual untuk diwartakan pada 1 Julai 2012, namun ia ditangguhkan dan sehingga kini draf pelan tersebut belum diwartakan.



KHALID pada sidang media selepas majlis taklimat bersama DBKL di Kuala Lumpur hari ini. Turut bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Mhd Amin Nordin Abd Aziz.



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menaiki kereta selepas berucap di Program Taklimat Governans, Integriti dan Antirasuah bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli-Ahli Parlimen di Bangunan SPRM, Putrajaya.

6. Kerajaan tekad perangi rasuah – PM

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui berdepan cabaran berbeza dalam menangani rasuah ketika ini berbanding pertama kali menjadi Perdana Menteri pada tahun 1980-an.

Perdana Menteri berkata, jentera pentadbiran kerajaan pada waktu itu bersih berbanding hari ini.

"Sekarang disebabkan bekas perdana menteri sebelum ini mempromosi rasuah, 'Cash Is King', dan kita dapati habis jentera kerajaan yang terbabit.

"Ia menyebabkan kerajaan hari ini kena tapis (pegawai) dan pilih sebelum ambil tindakan.

"Jika kerajaan tapis sekali pun pegawai yang disyaki, kita tidak boleh buang semua pegawai berkenaan kerana masih perlu menjalankan tugas dan arahan lain daripada kerajaan," katanya pada sidang media selepas menghadiri program Taklimat Governans, Integriti dan Anti Rasuah di Ibu Pejabat SPRM di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Dr Mahathir berjanji kerajaan pimpinannya akan melawan dan membanteras rasuah habis-habisan.

Katanya, sejak Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, pelbagai pembaharuan dilakukan termasuk memperkuatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Beliau berkata, kerajaan juga sedang menggubal undang-undang serta cara mentadbir bagi mengurang dan menghapuskan rasuah di negara ini.

Katanya, dalam usaha kerajaan membanteras rasuah, pucuk pimpinan tertinggi juga perlu menunjukkan contoh teladan yang baik.

"Jika Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta barisan kabinet lain tidak rasuah, ia akan menjadi teladan yang baik untuk rakyat.

"Namun, jika pimpinan tertinggi kerajaan tidak mengaku melakukan rasuah, sebaliknya menyuruh orang bawahan supaya tidak mengambil rasuah, ia tetap akan berleluasa.

"Tiada pihak yang akan terkecuali daripada mengikuti peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan selepas ini," katanya.



PRASARANA komited menyemak semula kos keseluruhan projek LRT3.

7. Prasarana komited semak semula kos projek LRT3

KUALA LUMPUR: Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) komited menyemak semula kos keseluruhan projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) seperti diarahkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Masnizam Hisham, berkata pihaknya mengambil maklum kenyataan Guan Eng semalam berhubung peningkatan kos keseluruhan projek LRT3.

"Kita akan berusaha lebih giat untuk mengurangkan lagi kos terbabit.

"Pihak pengurusan Prasarana sudahpun mula mengurangkan kos projek LRT3 sejak Februari lalu dan akan terus bekerjasama erat dengan Kementerian Kewangan berhubung perkara ini," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya turut mengekalkan kerjasama erat dengan rakan penyampai projek MRCB George Kent Sdn Bhd (MRCBGK) bagi mengenal pasti peluang tambahan untuk mengurangkan kos projek LRT3.

Kementerian Kewangan semalam mengarahkan Prasarana menyemak semula kos projek LRT3 yang bernilai RM31.45 bilion.

Laporan media memetik Guan Eng sebagai berkata, kos keseluruhan projek itu disemak kerana kelemahan pengurusan projek oleh Prasarana.

Beliau berkata, pengurangan kos yang drastik diperlukan bagi memastikan LRT3 lebih kos efektif dan berdaya maju.

Katanya, kementerian tidak akan menyokong sebarang pembiayaan tambahan jika tiada pengurangan kos LRT3 yang drastik, pada masa sama tidak menjejaskan integriti jajaran rel, keselamatan dan kualiti perkhidmatan diberikan.

Secara umum, projek LRT3 dibangunkan bawah Rancangan Pembangunan Rel Bandar oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Rancangan itu dijangka berupaya menaikkan taraf sosioekonomi di Malaysia dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat.

Jarak keseluruhan LRT3 ialah 36 kilometer dan akan merentasi 25 stesen sepanjang laluan.

Pembinaan LRT3 bermula pada 2016 selepas memperoleh kelulusan daripada pelbagai pihak berkepentingan, dan dijangka siap pada 2020.



DATUK Seri Mohamed Azmin Ali

8. RM110 bilion bukan harga tender projek HSR

KUALA LUMPUR: Nilai Projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) yang dianggarkan RM110 bilion bukan harga tender, sebaliknya diperoleh berdasarkan pengiraan kos.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata jumlah itu diperoleh selepas pihaknya membuat pengiraan dengan Kementerian Kewangan.

Beliau berkata, pentadbiran kerajaan di bawah Barisan Nasional (BN) sebelum ini tidak telus kerana menyembunyikan kos tertentu, kononnya jumlah pembinaan HSR adalah lebih rendah daripada RM110 bilion.

"(RM110 bilion) diperoleh berdasarkan satu pengiraan kos, itu bukan harga tender bagi projek berkenaan, selepas pengiraan dibuat bersama dengan MOF (Kementerian Kewangan) pada peringkat ini.

"Kos pengiraan awal mengenai projek yang dicadangkan sudah tentu dalam proses tender biasa, mana-mana pembidaan yang dibuat secara tender terbuka ianya akan melalui penjimatan.

"Sebab itu, daripada awal prinsip Pakatan Harapan (PH) mendesak kepemimpinan terdahulu yang dipimpin Yang Berhormat Pekan (Datuk Seri Najib Razak) supaya semua projek mesti dibuat secara tender terbuka," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Najib Razak (BN-Pekan) yang bertanya bagaimana jumlah RM110 bilion boleh diperoleh walhal tender projek HSR masih belum diputuskan oleh kerajaan Malaysia dan Singapura.

Mohamed Azmin turut mempersoalkan tindakan Najib yang bersungguh-sungguh menekan kerajaan supaya mengamalkan prinsip tender terbuka selepas bergelar pembangkang.

Menjawab soalan yang dikemukakan Najib mengenai pendedahan kajian impak projek HSR, Mohamed Azmin berkata, PH sejak dulu lagi mengamalkan budaya 'mendedah' kebenaran kepada rakyat.

"Itu prinsip PH sejak awal dulu. Mana-mana laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), laporan Penilaian Impak Trafik(TIA), laporan Penilaian Impak Sosial (SIA)... kita akan dedahkan kepada rakyat supaya rakyat tahu.

"Saya nyatakan sekali lagi, kerajaan akan memutuskan projek ini atas nasihat Peguam Negara (Tommy Thomas) supaya perkara ini dibincangkan terlebih dahulu.

"Perbincangan itu meliputi terma yang terkandung bagi membolehkan kita semak semula kebolehsanaan projek ini supaya ia tidak membebankan rakyat. Ini menjadi prinsip PH," katanya.



LIM Guan Eng berucapa pada majlis makan tengah hari anjuran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM).

9. Najib tahu kos LRT3 meningkat RM32 bilion - Guan Eng

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sudah sedia maklum mengenai peningkatan kos akhir bagi projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) iaitu sekitar RM32 bilion berbanding kos asal sebanyak RM9 bilion, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

"Apabila saya dilantik sebagai Menteri Kewangan, saya bertanyakan mengenai kos pembinaan LRT3," kata Guan Eng selepas majlis makan tengah hari anjuran Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM), di sini, hari ini.

Turut hadir, Presiden ACCIM, Tan Sri Ter Leong Yap.

Guan Eng berkata, beliau dimaklumkan bekas perdana menteri itu telah menghadiri mesyuarat membincangkan mengenai kenaikan kos dalam projek LRT3.

Pada 2015, Prasarana Malaysia memperoleh jaminan kerajaan sebanyak RM10 bilion dalam bentuk kemudahan bon bagi membiayai projek berkenaan.

Pada Mac 2018, Prasarana telah meminta jaminan tambahan sebanyak RM22 bilion bagi membiayai pinjaman untuk menyiapkan projek LRT3

Najib, yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan mendakwa, beliau tidak menerima surat permohonan tambahan jaminan berjumlah RM22 bilion itu.

Sementara itu, Ahli Parlimen Damansara, Tony Pua, dua hari lalu mengeluarkan kenyataan menggambarkan Najib menghadapi kegagalan teruk sepanjang berkhidmat sebagai Menteri Kewangan.

Pua dipetik berkata: "Sepatutnya anda (Najib) tidak boleh tidak menyedari bahawa bajet RM9 bilion bagi LRT yang 'diluluskan' hanyalah bagi kos pembinaan LRT.

"Ia tidak termasuk antara lain, pengambilan tanah, yuran PDP, yuran perundingan lain, kos operasi dan faedah lain sepanjang pembinaan."

Mengulas mengenai perkara itu, Guan Eng berkata, Najib yang sepatutnya menjawab persoalan berkenaan.

Minggu lalu, kabinet bersetuju projek LRT3 diteruskan dengan kos akhir berjumlah RM16.63 bilion iaitu 47 peratus lebih rendah berbanding kos asal RM31.65 bilion.

Guan Eng dipetik sebagai berkata berkata, dengan nilai kos akhir itu ia sekali gus dapat menjimatkan RM15.02 bilion wang rakyat.



KETUA Pembangkang, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

10. Zahid nafi terbabit skim penipuan pekerja Nepal

KUALA LUMPUR: Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menafikan beliau terbabit dengan Bestinet Sdn Bhd, syarikat yang terbabit dalam sindiket penipuan pekerja dari Nepal.

Bagaimanapun beliau bersedia disiasat berhubung laporan terhadap syarikat berkenaan.

"Saya sedia disiasat dan (sila) kemukakan bukti jika saya terbabit atau salah guna kuasa begitu juga jika mana-mana ahli keluarga saya yang terbabit.

"Saya tidak kira kes ini baharu atau lama. Saya tidak pernah terbabit... sila siasat dan saya bersedia berhadapan siasatan, " katanya ditemui di lobi Parlimen hari ini.

Satu portal berita Nepali Times melaporkan Bestinet Sdn Bhd yang diuruskan ipar Ahmad Zahid, Amin Abdul Nor terbabit dalam sindiket penipuan pekerja dari Nepal.

Syarikat itu dikatakan mengutip RM185 juta antara 2013 sehingga 2018.

Ahmad Zahid yang juga Presiden UMNO menegaskan beliau tidak mempunyai adik ipar warga Bangladesh bernama Amin seperti dalam laporan berkenaan.

"Saya tak ada ipar nama Amin, saya tak ada saham satu sen (pun) di syarikat (itu), syarikat itu memang ada (wujud) perniagaan sebelum saya masuk (menyertai) KDN (Kementerian Dalam Negeri)," katanya.

11. Bestinet nafi laporan Nepali Times

KUALA LUMPUR: Bestinet Sdn Bhd (Bestinet) menyangkal laporan sebuah portal berita, Nepali Times, bahawa syarikat itu terbabit sindiket penipuan pekerja dari Nepal.

Menerusi satu kenyataan media yang dikeluarkan hari ini, syarikat teknologi maklumat itu turut menafikan bahawa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mempunyai sebarang kaitan dengan Bestinet.

"Kami ingin menegaskan bahawa pengasas dan pengerusi Bestinet, Datuk Seri Mohd Amin Abdul Nor bukan adik ipar kepada bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Kami juga ingin menjelaskan bahawa adik beliau (Ahmad Zahid) iaitu Datuk Abdul Hakim Hamidi bukan pemegang saham Bestinet," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, Tan Sri Azmi Khalid juga tidak pernah menjadi pemegang saham Bestinet dan sudah meletak jawatan sebagai pengarah pada Januari tahun lalu selain tiada seorang pun di Bestinet ada kaitan dengan Ahmad Zahid.

"Kami juga ingin menjelaskan bahawa Bestinet hanya penyedia perkhidmatan untuk sistem bio-perubatan.

"Pemeriksaan biometrik yang disebutkan dalam artikel itu pula adalah salah satu modul Sistem Pengurusan Pekerja Asing Berpusat (FWCMS) iaitu sistem pengurusan pekerja asing secara holistik yang dibangunkan khusus untuk kerajaan," jelasnya.

Katanya, FWCMS adalah sistem dalam talian yang digunakan semua negara sumber dan majikan tempatan untuk mendaftarkan pekerja asing yang akan bekerja di negara ini.

"Sistem ini membolehkan ujian perubatan dijalankan dan hasilnya dimuat naik secara dalam talian dengan serta merta termasuk pendaftaran demografi dan data biometrik pekerja.

"Kami turut ingin menegaskan bahawa pemeriksaan bio-perubatan adalah proses wajib bagi semua pekerja yang masuk ke Malaysia, dan bukan hanya untuk pekerja dari Nepal seperti yang didakwa dalam laporan itu," katanya.

Difahamkan, sistem itu menerima anugerah sebagai antara 40 projek digital terbaik dunia pada Anugerah Kemuncak Dunia 2018 di Austria, yang diiktiraf dalam memenuhi matlamat pembangunan lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tambah kenyataan itu lagi, Bestinet hanya mengutip RM100 untuk sistem bio-perubatan seperti yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia manakala caj lain dikenakan oleh penyedia perkhidmatan lain.

"Bestinet tidak menyediakan perkhidmatan Tapisan Keselamatan Imigresen (ISC), Visa Luar Negara (VLN) dan Unit Pusat Sehenti (OSC) atau ada kaitan dengan pihak yang menyediakan perkhidmatan itu serta mana-mana ejen di Kathmandu.

"Oleh itu dakwaan yang dibuat bahawa Bestinet mengenakan bayaran pekerja asing untuk mengimbas passport, mencetak cap jari dan muat naik data dalam talian adalah palsu semata-mata," katanya lagi.

Menurut kenyataan itu, Bestinet mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menubuhkan satu jawatankuasa bagi menjalankan semakan menyeluruh ke semua sistem dan penyedia perkhidmatan yang ada kaitan dengan pengambilan dan pengurusan pekerja asing.

"Jelas penerbit dan wartawan yang menulis laporan berkenaan gagal mematuhi kod etika media dengan membuat laporan yang tidak benar dan mengelirukan terhadap Bestinet tanpa membuat penyelidikan yang cukup.

"Ia adalah satu fitnah yang menjejaskan reputasi baik syarikat kami dan laporan itu diterbitkan tanpa merujuk kepada pihak Bestinet terlebih dulu.

"Kita menuntut supaya Nepali Times membuat permohonan maaf serta menarik balik dan memperbetulkan artikel itu dengan segera," kata kenyataan itu.

Tambahnya, Bestinet mengambil serius semua tuduhan itu dan berhak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap Nepali Times dan kedua-dua penulis terbabit.

Sebelum ini, portal Nepali Times dalam laporan bertajuk 'Kleptocrats of Kathmandu and Kuala Lumpur' menamakan Bestinet bersama-sama beberapa syarikat lain menerima sokongan ahli politik berpengaruh Malaysia yang mengaut keuntungan menerusi urusan pengambilan pekerja asing di negara ini.

12. Penolong pengarah BTN Sarawak dicekup SPRM

KUCHING: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak hari ini menahan lima individu termasuk dua Penolong Pengarah Kanan Biro Tata Negara (BTN) kerana disyaki membuat tuntutan palsu berjumlah kira-kira RM600,000.

Suspek masing-masing tiga lelaki dan dua wanita berusia antara 34 hingga 55 tahun itu ditahan jam 4.30 petang di Pejabat SPRM Sarawak selepas hadir untuk memberi keterangan.

Difahamkan, tiga daripada suspek berkhidmat di BTN Sarawak sebelum ini, namun kini sudah berpindah ke jabatan lain serta bersara.

Sumber berkata, suspek dipercayai bersubahat dengan 43 buah syarikat di seluruh negeri ini dengan mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu untuk membuat tuntutan pembayaran kerja.

Katanya, jumlah tuntutan bagi satu-satu kerja bernilai antara RM2,000 hingga RM6,000.

"Pembayaran tuntutan yang dibuat suspek dimasukkan dalam beberapa akaun pemilik syarikat pada 2016 dan semua suspek dipercayai mengambil keuntungan daripada setiap syarikat yang pilih.

"Siasatan juga mendapati kira-kira 70 peratus perkhidmatan atau pembekalan yang dilakukan oleh syarikat terbabit kepada pihak BTN tidak wujud atau tidak dilaksanakan dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam tuntutan," katanya.

Kata sumber itu lagi, semua suspek mempunyai kawalan ke atas akaun BTN dan menggunakan wang berkenaan untuk kegunaan peribadi.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sarawak, Razim Mohd Noor ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan berkata pihaknya kini dalam proses mendapatkan dokumen berhubung pembayaran yang dibuat BTN kepada syarikat berkenaan.

Katanya, suspek ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 dan akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kuching esok untuk mendapatkan perintah reman.



KETUA Balai Bomba Peramu Pekan, Sheikh Hassan Sheikh Zainuddin mengaku tidak bersalah atas 10 pertuduhan salah guna kuasa melibatkan penggunaan khidmat syarikat isterinya sejak Mac 2014 ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Komplek Mahkamah Indera Mahkota.

13. SPRM dakwa Ketua Balai Bomba salah guna kuasa

KUANTAN: Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Peramu, dekat Pekan didakwa di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah di sini, dengan 10 pertuduhan membabitkan salah guna kuasa antara Mac 2014 hingga Ogos 2015.

Sheikh Hassan Sheikh Zainuddin, 53, didakwa melakukan kesalahan itu dengan memberikan kontrak pembekalan makanan untuk syarikat milik isterinya antara tarikh berkenaan.

Dia yang kini berpangkat Penolong Kanan Penguasa dikatakan mencadangkan nama syarikat Puncak Cahaya Azam Enterprise bagi membekalkan makanan untuk program membina semula rumah terbakar 'My Beautiful Neighborhood' anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 2014 dan operasi pemadaman kebakaran antara Mac hingga April 2014 dan Ogos 2015.

Selain itu, dia turut didakwa menggunakan kedudukannya bagi mencadangkan syarikat sama untuk program latihan menyelamat bagi persediaan menghadapi banjir pada September 2014 dan majlis penyerahan kunci rumah projek pembinaan semula rumah terbakar pada Disember 2014.

Nilai keseluruhan bagi semua pertuduhan itu adalah RM36,272.69.

Pendakwaan mengikut Seksyen 23 Suruhanjaya Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dilakukan Timbalan Pendakwaraya SPRM, Mohd Fadly Mohd Zaki, manakala tertuduh diwakili Datuk Syed Azimal Amir Syed Abu Bakar.

Hakim Mohd Ghazali Mohamad Taib mengarahkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 16 Ogos ini bagi tarikh sebutan semula dan pengurusan kes.



RINA Mohd Harun.

14. RM998 juta projek bekalan air luar bandar

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Luar Bandar memperuntukkan sebanyak RM987.92 juta bagi pelaksanaan 77 projek bekalan air luar bandar di seluruh negara sejak 2016 hingga Jun lepas di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Menterinya, Rina Mohd Harun berkata ia memberi manfaat kepada 8,929 buah rumah.

Bagi projek bekalan air luar bandar di Sarawak pula, sebanyak RM412.04 juta diperuntukkan mulai Januari 2016 hingga Jun lepas merangkumi 38 projek yang memberi manfaat kepada 1,818 rumah di negeri itu, katanya dalam sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini, katanya ketika menjawab pertanyaan Mordi Bimol (PH-DAP Mas Gading).

Menjawab soalan tambahan Mordi mengenai cadangan alternatif bantuan bekalan air di Sarawak, Rina berkata kementerian itu akan membincangkan semula dengan kerajaan negeri itu antaranya cadangan melaksanakan projek hidro elektrik.

Mengenai bantuan bekalan air di Sabah yang diajukan oleh Datuk Azizah Mohd Dun (BN-UMNO Beaufort), beliau berkata berdasarkan lawatannya ke Sabah baru-baru ini, banyak kerjasama akan dapat diadakan antara kerajaan Persekutuan dan negeri dalam usaha merangka kemudahan air dan elektrik.

15. PETRONAS perkukuh program pembangunan vendor

KUALA LUMPUR: PETRONAS melancarkan skim pembangunan vendor baharunya, dikenali sebagai VDPx di bawah Program Pembangunan Vendor (VDP) sedia ada untuk dilaksanakan dengan kerjasama peserta industri utama tempatan.

Pelancaran skim pembangunan vendor itu adalah sebahagian daripada inisiatif pihaknya untuk melonjakkan kebolehan syarikat tempatan dalam industri minyak dan gas di negara ini.

Di bawah skim VDP baharu ini, sejumlah 18 organisasi merangkumi enam Kontraktor Pengawalan Petroleum (PAC) dan 12 syarikat sokongan industri minyak dan gas (OGSE) akan mengikut jejak VDP Petronas bagi mendapatkan akses kepada lebih ramai vendor tempatan seterusnya meluaskan manfaatnya kepada industri dan negara.

Bagi melaksanakan skim berkenaan, organisasi yang mengambil bahagian akan disokong dari aspek pembangunan perniagaan, pengurusan kewangan, teknologi maklumat dan informasi (ICT) dan teknikal oleh tujuh agensi antaranya Sirim Bhd; MIMOS Bhd; Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOOSH) dan Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp).

Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin, berkata adalah menjadi komitmen pihaknya untuk memupuk usahawan tempatan mengatasi halangan untuk meneroka industri minyak dan gas.

"Kami juga mahu mencipta sekumpulan vendor yang boleh menjana nilai. Amat penting untuk mengukuhkan ekosistem industri melalui pembangunan vendor yang mampan, lebih-lebih lagi dalam persekitaran perniagaan semasa dan mencabar.

"VDPx adalah evolusi kepada VDP sedia ada dan ia dicipta bagi melanjutkan kemampuan pembangunan dalam industri minyak dan gas di samping menyumbang kesan pengganda yang akan memberi manfaat kepada ekonomi dan industri," katanya.

Program itu dilancarkan pada majlis khas meraikan pembabitan aktif Petronas selama 25 tahun dalam membangunkan vendor tempatan sejak 1993.

Ia dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Darell Leiking.

Turut berlangsung adalah pemeteraian perjanjian persefahaman (MoU) antara PETRONAS dan organisasi yang mengambil bahagian.

Antara organisasi yang terbabit termasuklah ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc.; Hess Exploration and Production Malaysia B.V.; Murphy Sarawak Oil Co., Ltd; Perbadanan Urusan

Kejuruteraan dan Limbungan Brooke; Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn Bhd dan Serba Dinamik Holdings Bhd.

Sementara itu, Darell dalam ucapannya berkata kementerian akan memastikan VDP terus menerima sokongan dari segi latihan, pembinaan kapasiti, pembangunan dan galakan produk serta promosi pasaran bagi vendor Bumiputera.

"Vendor mempunyai akses kepada dua program di bawah Rancangan Malaysia ke-11 iaitu Geran Pengkomersialan dan Penyelidikan (GPPV) dengan peruntukan sebanyak RM30 juta serta Program Pembangunan Kapasiti bagi Vendor (PPKV) dengan peruntukan sebanyak RM31 juta," katanya.

Ditubuhkan pada 1993, VDP Petronas telah membantu 99 syarikat tempatan untuk meneroka industri dan dianugerahkan kontrak bernilai lebih daripada RM8.3 bilion